

UMS jalin kerjasama akademik bersama dua universiti Indonesia

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL

conyppearl09@gmail.com

UB 12-09-2012 A1

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil langkah proaktif mengembangkan jalinan kerjasama akademik dalam pengajian seni bersama dua universiti di Indonesia.

Naib Canselor UMS, Profesor Dr Mohd Harun Abdullah, berkata memorandum persefahaman (MoU) bersama Universitas Sebelas Maret (UNS) dan Universitas Negeri Semarang (UNNES) akan memberikan manfaat kepada kedua-dua negara.

Katanya, kerjasamaitujugamerupakan langkah awal bagi Sekolah Pengajian Seni yang mewakili UMS untuk membincangkan pelan tindakan bagi memantapkan lagi bidang penyelidikan kesenian dan kebudayaan.

“Sebagai rakan pendidikan, sudah tentu kita berkongsi idea dan matlamat yang sama dalam membangunkan negara masing-masing. Justeru, saya

juga mencadangkan agar adanya pertukaran tenaga pengajar dan pelajar dijalankan untuk beberapa bulan melalui program sangkutan akademik dan latihan industri.

“Pertukaran kepakaran dan pengalaman tenaga akademik dalam pelbagai bidang ini pasti memberi idea baru bagi membolehkan UMS, UNS dan UNNES membangunkan bidang pengajian masing-masing,” katanya pada majlis menandatangani MoU antara UMS, UNS dan UNNES di sini kelmarin.

Harun berkata selain mempertingkatkan hubungan dua hala dalam pelbagai bidang yang berkaitan pendidikan tinggi, institusi pengajian tinggi (IPT) turut memainkan peranan penting dalam mengukuhkan hubungan dua hala antara Malaysia dan juga Indonesia.

Sementara itu, Pembantu Naib Rektor, Perkongsian dan Pembangunan UNNES, Dr Fathur Rokhman, berkata hubungan kerjasama itu sangat baik



HARUN (tiga kiri) berbincang sesuatu dengan Widodo (dua kanan) dan Fathur (dua kiri) selepas selesai MoU itu kelmarin.

untuk meningkatkan lagi perlembagaan dan perkembangan akademik keilmuan di dalam pelbagai bidang khususnya seni.

“Selain mempertingkatkan pemahaman antarabangsa dalam bangsa serumpun, ia juga menjadi komitmen kepada negara Indonesia untuk menjalin

kerjasama bersama negara ini,” jelasnya.

Bagi Timbalan Rektor Perkongsian dan Pembangunan Perniagaan UNS, Dr Widdo Muktiyo, pihaknya prihatin dengan dengan perkembangan seni budaya di bawah satu rumpun itu untuk melakukan kajian yang lebih mendalam dalam bidang akademik.